

14 AUG 1998

LEAD Mahathir-Ekonomi

SOKONGAN RAKYAT FAKTOR PENTING PEMULIHAN EKONOMI

LABUAN, 14 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan akan berusaha untuk memulihkan sendiri ekonomi negara tanpa perlu meminta-minta kepada sesiapa kecuali meminta kepada rakyat agar terus bersatu-padu dalam menghadapi cabaran ini.

Perdana Menteri meminta rakyat terus mempertahankan suasana tenang dan aman yang dinikmati sekarang dan mengukuhkan lagi perpaduan di kalangan mereka bagi memudahkan kerajaan mengatasi masalah berkenaan.

"Jangan ada rusuhan, jangan ada penyebaran khabar angin ... jangan kita buat semua itu. Sebaliknya kita tenangkan keadaan dalam negara kita," katanya pada majlis bersama rakyat di Dewan Serbaguna Majlis Perbandaran Labuan.

Dr Mahathir yang dalam lawatan dua hari ke pulau ini sejak semalam, berkata rakyat pelbagai kaum juga tidak harus mengalah kepada cubaan sesetengah pihak untuk melaga-lagakan kaum di negara ini.

"Inilah usaha yang kita perlu buat untuk mempertahankan negara. Kalau kita kata negara kita adalah tanggungjawab kita maka tanggungjawab kita ialah untuk menentukan tiada perselisihan faham antara kaum yang ada di Malaysia," kata beliau.

Perdana Menteri berkata jika ada sebarang masalah, ia perlu dirunding untuk mencari jalan penyelesaiannya agar sebarang pertikaian yang boleh mengganggu ketenteraman, dapat diatasi.

"Setakat ini, alhamdulillah, walaupun ada percubaan melalui Internet untuk melaga-lagakan kaum di Malaysia tetapi kita berjaya mengawal keadaan sehingga keadaan negara kita terus aman. Dengan ini kerajaan boleh menumpukan kepada masalah yang kita hadapi dengan fikiran yang tenang," kata beliau.

Dalam ucapan itu, Dr Mahathir turut menjelaskan langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk membawa negara keluar daripada masalah berkenaan, termasuk penubuhan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).

"Sedikit sebanyak kita sudah berjaya. Kalau kita tidak berjaya melaksanakan rancangan yang dibentuk oleh MTEN ini, sudah tentulah hari ini, kita akan menghadapi banyak masalah dan hari ini kita sudah tunduk kepada IMF," katanya.

Kemampuan negara untuk terus bertahan tanpa pertolongan dan tunduk kepada syarat Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) membuktikan perancangan kerajaan berada di landasan yang betul, kata beliau.

Dr Mahathir turut meghuraikan peranan pedagang mata wang di sebalik kejatuhan nilai mata wang negara tetapi pihak asing, yang mempunyai sumber kekayaan serta menguasai media antarabangsa, pula cuba mempersalahkan kepimpinan negara sebagai punca kepada kemelut itu.

"Walaupun terbukti jelas mereka yang salah, tetapi melalui media yang mereka kuasai, mereka telah menutupi kesalahan mereka dengan mengulangi berkali-kali bahawa kerajaanlah yang salah," katanya.

Beliau berkata pihak asing telah cuba untuk mengurangkan kepercayaan rakyat terhadap kerajaan supaya kerajaan dapat dilumpuhkan dan dijatuhkan.

"Mereka mendakwa tidak ada konspirasi untuk sengaja menyerang dan memiskinkan negara-negara di dunia. Kita boleh kata bahawa tiada konspirasi, tetapi kesannya sama dengan konspirasi," katanya.

Sebagai contoh, katanya apabila Malaysia cuba mendapatkan wang dari luar untuk memulihkan ekonomi, dengan serta merta dua badan penarafan antarabangsa telah menurunkan penarafan terhadap negara.

"Apabila mereka mendakwa ranking sesebuah negara itu sudah turun maka, pinjaman sesebuah negara itu akan dikenakan faedah yang tinggi. Dan sekarang ini, kalau kita meminjam, kita kena membayar lebih untuk pinjaman yang dibuat," katanya.

Beliau berkata, jika rakyat faham bahawa apa yang berlaku dan terus memberikan sokongan kepada kerajaan, maka masalah ekonomi itu akan dapat diatasi sedikit demi sedikit.

-- BERNAMA

JS PR sj